

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 03/05/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 8



AHMAD SARUJI ABDUL AZIZ (dua dari kiri) bersalaman dengan Zohan Zuki Mohd. Zuki (dua dari kanan) selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada Majlis Apresiasi Kerjasama Rakan Niaga dan Menandatangani Perjanjian Pemasaran dan Perkhidmatan di Kelana Jaya, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

MyAngkasa simpan rekod wasiat dengan WAES

KUALA LUMPUR 2 Mei - Pengurusan pentadbiran harta membabitkan wasiat, harta pusaka dan hibah kini semakin efisien dengan adanya sistem penyimpanan dokumen yang inovatif dan berteknologi tinggi, iaitu dikenali WAES (Wasiat And Estate System).

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Pengurusan Amanah iaitu anak Syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), MyAngkasa Amanah Berhad, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, syarikatnya kini menggunakan kepakaran syarikat pengendali perkhidmatan pengurusan rekod, Inter-City MPC (M) Sdn. Bhd. yang menyediakan WAES tersebut dan disifatkan sebagai pertama di negara ini.

“Berbanding syarikat-syarikat pengurusan amanah lain di negara ini yang masih menggunakan kaedah manual, MyAngkasa Amanah yang pertama di negara ini mempunyai sistem penyimpanan rekod dan dokumen yang mampu memberikan faedah lebih besar kepada para pelanggan dengan kos yang kompetitif,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau ditemui selepas Majlis Apresiasi Kerjasama Rakan Niaga dengan Syarikat ZSA Dan Menandatangani Perkhidmatan Pemasaran dan Perkhidmatan dengan Syarikat Inter-City MPC (M) Sdn. Bhd. di Hotel Tabung Haji, Kelana Jaya dekat sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat ZSA, Mohammad Zin Sirun dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Inter-City MPC, Zohan Zuki Mohd. Zuki.

Ahmad Saruji berkata, syarikatnya menawarkan penyimpanan dokumen yang terbaik bagi membolehkan segala maklumat dan dokumen dapat diakses dan dicari dengan mudah untuk tujuan tunutan, pindaan dan lain-lain dan ini menjadikan harta pusaka dan hibah dapat ditadbir dan diuruskan dengan baik.

“Jadi apabila urusan pentadbiran harta ini dapat diuruskan dengan baik dan efisien maka harta yang dituntut dapat diguna dengan segera terutama melibatkan nafkah dan pembentukan anak-anak untuk tujuan persekolahan dan menyambung pelajaran,” katanya.

Menurutnya, kini dengan termeterainya perjanjian rakan niaga dengan Syarikat ZSA, orang ramai terutama di sekitar Seremban, Negeri Sembilan boleh mendapatkan khidmat ZSA bagi urusan wasiat dan lain-lain perkara berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka dan hibah.

Sementara itu, Zohan Zuki berkata, syarikatnya menawarkan perkhidmatan penyimpanan dokumen yang menggunakan teknologi tinggi dan berdasarkan rekod mereka telah sekian lama menawarkan perkhidmatan ini terutamanya untuk penyimpanan dokumen-dokumen milik kerajaan.

“Dengan adanya kerjasama ini dengan MyAngkasa Amanah, kita berharap urusan wasiat, pusaka dan hibah menjadi lebih mudah dan orang ramai tidak lagi perlu menunggu atau membuang masa untuk mencari dokumen-dokumen berkenaan,” katanya.